

Perkongsian tentang “Poligami & Institusi Keluarga” di Twitter

Wan Zumusni Wan Mustapha (Dr.)

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Kampus Seremban

Pada 26 Mei 2022, Dr Wan Zumusni telah memenuhi jemputan sebagai narasumber untuk berkongsi kajian nasional tentang “Poligami & Institusi Keluarga”. Sesi yang dianjurkan oleh Telenisa, telah disertai seramai 120 orang di aplikasi dalam talian Twitter Spaces. Sesi ini juga turut dihadiri oleh Puan Syirin Junisyia, Pegawai Program Kanan, Kempen untuk keadilan MUSAWAH. MUSAWAH merupakan gerakan global untuk keadilan dan kesaksamaan gender.




Poster program

Antara persoalan yang dibincangkan di dalam sesi kali ini ialah perkongsian kerja penyelidikan kedua-dua narasumber berkenaan topik poligami dan institusi keluarga di peringkat nasional dan global. Selain itu, perbincangan pandangan mengenai praktis perkahwinan poligami di Malaysia, cabaran dan rintangan yang dihadapi ketika membincangkan dan menjalankan penyelidikan tentang poligami juga turut diketengahkan.

Kajian di Malaysia merupakan kolaborasi di antara Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Sisters in Islam.

Sesi perbincangan ini juga turut mengupas mengenai faktor-faktor utama seorang suami itu ingin berpoligami dan masalah yang sering dihadapi oleh isteri yang berada dalam perkahwinan poligami. Ini termasuklah persoalan tentang bagaimanakah perkahwinan poligami ini memberi kesan terhadap peranan dan tanggung jawab seorang suami dan bapa, serta isteri dan ibu.



Tangkapan skrin di Twitter

Antara isu menarik lain ialah melihat perbezaan pandangan atau layanan masyarakat terhadap suami atau isteri yang terlibat dengan perkahwinan poligami. Perbezaan pandangan atau layanan masyarakat ini diperoleh hasil daripada temubual mendalam yang telah dijalankan bersama isteri pertama, kedua dan anak-anak daripada keluarga berpoligami. Apa yang dapat dilihat daripada temubual ini adalah kesan terhadap kanak-kanak dari keluarga berpoligami jika mereka kurang berkomunikasi atau tidak mempunyai hubungan yang baik dengan ibu atau bapa yang terlibat dalam poligami.

Hasil perbincangan ini turut mengupas secara ringkas mengenai kesan emosi, kewangan, perundangan dan hubungan sosial. Terdapat kes di mana perkahwinan poligami berlaku di luar negara, dan tidak didaftarkan di Malaysia; maka hak-hak isteri dan anak-anak berkemungkinan tidak akan diiktiraf oleh undang-undang di Malaysia. Perbincangan dan soal jawab dengan penonton di aplikasi Twitter juga membincangkan tentang kaedah untuk membantu bagi memastikan kebajikan isteri dan anak-anak dalam keluarga berpoligami terpelihara.

Klinik Bantuan Guaman Telenisa merupakan satu platform yang membantu wanita untuk mendapatkan nasihat bantuan daripada sudut perundangan syariah secara percuma yang berkait rapat dengan undang-undang keluarga islam dan juga perundangan jenayah syariah.

Kebanyakan klien Telenisa terdiri daripada kaum wanita. Namun, tiada halangan bagi golongan lelaki untuk turut mendapatkan khidmat nasihat dari pihak Telenisa.

Rakaman sesi tersebut dapat didengar di <https://twitter.com/i/spaces/1mrxmavDa> eWxy

